

04/08/1997

Dr M timbang permintaan Soros

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia menimbang permintaan ahli kewangan, Amerika Syarikat, George Soros, yang didakwa bertanggungjawab melakukan serangan spekulatif terhadap nilai mata wang negara anggota Asean untuk berbincang dengan beliau.

"Saya ingin mengetahui apa yang ingin dijelaskan dan apa yang ingin disumbangkannya," kata Perdana Menteri selepas menghantar pulang Perdana Menteri Pakistan, Mohamad Nawaz Shariff di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas laporan New Straits Times (NST) dari New York hari ini yang menyebut Soros ingin menemui beliau selepas Perdana Menteri berucap di mesyuarat agung tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Hong Kong November ini.

Dalam laporan berkenaan, Soros yang menafikan syarikatnya terbabit dalam serangan spekulatif terhadap beberapa mata wang Asean termasuk ringgit Malaysia, berkata beliau ingin bertemu Perdana Menteri untuk menjelaskan kedudukannya.

Soros ingin mengadakan forum terbuka dengan Dr Mahathir untuk membincangkan perbezaan pendapat selain mahukan Perdana Menteri mengemukakan bukti aktiviti spekulatif beliau.

Ahli kewangan berketurunan Yahudi itu dipetik sebagai berkata: "Saya tidak memerlukan seorang lagi musuh. Saya tidak ingin menjadikan Mahathir sebagai musuh. Dan saya tidak fikir Malaysia sebarang perkara mengamalkan sikap diktator."

Selasa lalu, Dr Mahathir berkata kerajaan mempunyai bukti jelas bahawa tekanan terhadap ringgit dan mata wang Asean lain berpunca daripada Soros.

Perdana Menteri menyifatkan Soros sebagai penjenayah kerana kejatuhan nilai mata wang itu menyebabkan rakyat di rantau ini, termasuk Malaysia, menderita menanggung kos yang tinggi berikutan terpaksa membayar lebih untuk mengimport barangan.

Dr Mahathir membidas Soros yang mendakwa media massa negara ini dikawal dan ditapis kerajaan.

Sambil menyindir, beliau berkata: "Ya, media massa di sini memang ditapis dan dikawal oleh kerajaan, kerana itu kita mempunyai begitu ramai orang yang `menyerang' kerajaan.

"Ini terutamanya (boleh dilihat) melalui akhbar China dan India. Mereka selalu menyerang kerajaan."

Dalam laporan terbabit, Soros berkata dia tidak pasti sama ada temu ramah NST itu akan disiarkan, berikutan apa yang didakwa berlaku tapisan dan kawalan oleh kerajaan Malaysia.

Ditanya mengenai pendapat Soros yang menyatakan tidak ada perbezaan dalam nilai Asean dan sejagat mengenai hak asasi kemanusiaan, Dr Mahathir mempersoalkan:

"Adakah nilai Asean (dalam hak asasi manusia) adalah nilai sejagat? Adakah dia menerima kenyataan itu?"

(END)